

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 11.6.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masa depan graduan dalam berperanan sebagai penjana pekerjaan berbanding pencari pekerjaan selaras pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Graduan dilatih agar menjadi penjana pekerjaan berbanding pencari pekerjaan. Hasrat ini dapat direalisasikan dengan membangunkan kurikulum yang lebih holistik dan bersepadu, serta menambah baik ekosistem pembangunan pelajar dengan:

- (a) Mereka bentuk sistem purata nilai gred kumulatif (CGPA) bersepadu** untuk menaksir pencapaian pelajar yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Sistem baharu ini

tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang), malah atribut utama lain yang merangkumi aspirasi pelajar; etika dan kerohanian; kemahiran kepimpinan; jatidiri kebangsaan; dan penguasaan berbahasa; dan

- (b) Mewujudkan peluang kepada pelajar dan staf akademik untuk menguasai kemahiran keusahawanan** menerusi cuti sabbatical, sangkutan industri, inkubator perniagaan dan dasar laluan istimewa kepada perniagaan yang dipelopori pelajar.

Di samping itu, Lonjakan 4 PPPM (PT) iaitu Graduan TVET Berkualiti juga telah menggariskan strategi untuk bagi memastikan graduan dapat berperanan sebagai penjana pekerjaan. Melalui strategi penghasilan kurikulum berlandaskan industri, penyedia TVET Kementerian akan melibatkan industri dalam menambah baik program sedia ada dan menjadikannya lebih relevan. Penambahbaikan ini melibatkan tenaga pelatih yang berkelayakan dengan pengalaman dalam industri dan pensijilan yang bersesuaian. Kurikulum berlandaskan industri berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidakpadanan kemahiran.

RJM85